

**PENYERAHAN 4 UNIT KENDERAAN PENGUATKUASA OLEH PLUS
MANTAPKAN PENGUATKUASAAN JPJ DI LEBUH RAYA**

Petaling Jaya, 14 Oktober 2025:- Dalam usaha meningkatkan keselamatan pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah menyumbang kenderaan penguatkuasa kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam satu majlis penyerahan yang diadakan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, di Putrajaya hari ini.

Sebanyak empat (4) unit kenderaan Honda CRV (1.5 Turbo) telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Kewangan PLUS, Sharuddin Omar Hashim kepada Ketua Pengarah JPJ, Dato' Aedy Fadly Ramli, disaksikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Tuan Loke Siew Fook.

Turut hadir dalam majlis penyampaian sumbangan ini adalah Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Hasbi Habibollah, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki dan Pengurus Besar Kanan Operasi PLUS, Mohd Yusuf Abdul Aziz.

Penyerahan kenderaan penguatkuasa kepada pihak JPJ adalah untuk membantu memperkasakan lagi peranan JPJ dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang, rondaan dan pemantauan dengan lebih efektif di lebuhraya kendalian PLUS.

Inisiatif ini merupakan salah satu kerjasama strategik antara pihak PLUS dan JPJ dalam memastikan orang ramai menikmati perjalanan yang selamat ketika berada di lebuhraya, selain memantapkan kecekapan penguatkuasaan di sepanjang Lebuhraya PLUS.

Penyerahan 4 unit kenderaan kepada pihak JPJ kali ini merupakan penyerahan sumbangan kenderaan kali kedua kepada pihak berkuasa terbabit. Terdahulu, PLUS telah menyerahkan sumbangan kenderaan penguatkuasa kepada JPJ pada tahun 2019.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---